

# Segerakan usaha realisasi Tabung Kewangan Asia



Presiden Angkatan  
Belia Islam  
Malaysia (ABIM)

Oleh **Mohammad Faisal Abdul Aziz**  
bhrencana@bh.com.my

**Gesaan** penubuhan Tabung Kewangan Asia sekali lagi diucapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Sesi Pembukaan dan Pleno Sidang Kemuncak ASEAN Ke-42 di Labuan Bajo, Indonesia.

Perdana Menteri menegaskan Tabung Kewangan Asia boleh berfungsi sebagai mekanisme serantau berkesan kerana ia dapat memahami realiti dan keperluan negara anggota ASEAN dengan lebih baik.

Antara kelebihan Tabung Kewangan Asia, ia boleh membantu mengurangkan kebergantungan rantau Asia khususnya ASEAN terhadap mata wang dolar Amerika Syarikat (AS). Badan utama dunia seperti Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) masih berlegar dengan penggunaan mata wang dolar.

Bagaimanapun, kesan kebergantungan terhadap mata wang berkenaan boleh dilihat ketika kemelesetan ekonomi dunia. Lazimnya untuk menghadapi keadaan itu, Kerajaan AS akan melaksanakan langkah tertentu untuk mengukuhkan dolar.

Contohnya, ketika COVID-19 berlaku yang me-

rencatkan ekonomi dunia hingga mengakibatkan kenaikan harga barang, seterusnya mencetuskan inflasi. Oleh itu, Rizab Persekutuan (Fed) AS menaikkan kadar faedah sebagai strategi utama untuk menangani inflasi.

Tindakan ini seterusnya akan mengakibatkan berlakunya aliran keluar di negara lain, termasuk Malaysia apabila pelabur memilih untuk melabur dalam bon AS untuk mengambil kesempatan daripada kenaikan faedah lebih tinggi. Natiujahnya, situasi itu akan memberi tekanan kepada mata wang negara ringgit.

Justeru, gesaan Perdana Menteri tepat kerana Tabung Kewangan Asia dapat berperanan melindungi ekonomi rantau ini daripada terjerumus ke dalam kancuh kemelesetan dunia.

Pada masa sama, Malaysia juga mempelopori pelaburan negara pada peringkat antarabangsa dengan menggunakan mata wang negara sendiri, tidak bersandar dolar AS semata-mata seperti pelaburan antara negara ini dengan China menyakikan penggunaan ringgit dan renminbi dirintis.

Ini adalah bukti keseriusan kepemimpinan negara ketika ini untuk mencari inisiatif kebergan-

tungan warga Asia daripada dolar AS.

Tambahan pula IMF sendiri dikuasai AS hingga negara Asia kecuali Jepun mempunyai 21.85 peratus undi veto sahaja, sedangkan AS sendiri sudah memiliki lebih 16.5 peratus undi veto. Bagi mengubah kuota undian veto di badan kewangan antarabangsa itu, ia memerlukan 85 peratus sokongan daripada kalangan negara anggota.

Berdasarkan fakta dinyatakan ini, jelas AS memiliki kuasa veto kukuh dalam keadaan acuan IMF sering menawarkan 'ubat' yang sebaliknya adalah racun membuatkan ekonomi sesebuah negara menjadi lebih teruk.

Ini berbeza dengan gagasan Tabung Kewangan Asia yang dapat menawarkan alternatif munasabah kepada negara serantau yang menghadapi masalah ekonomi. Lebih penting, Tabung Kewangan Asia diutarakan Perdana Menteri ini merangkul kekuatan dan potensi dalam kalangan negara Asia secara strategik dan memerlukan tahap pelaksanaan serta tempoh tertentu.

Bagi merealisasikan, perundingan dan perbincangan lanjut dalam kalangan pemimpin serantau perlu dilakukan segera agar manfaat boleh diperoleh daripada gagasan itu dapat dikecapi untuk memelihara kepentingan warga Asia.